



Penguasaan Tatabahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia

Wan Rohani Wan Mokhtar¹
Mohd Zaki Abd. Rahman²
Mohamad Azrien Mohamed Adnan³
Nor Hazrul Mohd Salleh⁴

ABSTRAK

Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia bukan sahaja sebagai bahasa ilmu bahkan sebagai bahasa komunikasi. Oleh itu pembelajaran bahasa Arab perlu diberi perhatian. Antara perkara yang perlu dititikberatkan dalam pembelajaran bahasa Arab ialah aspek tatabahasa kerana penguasaan tatabahasa Arab merupakan salah satu faktor mempengaruhi penguasaan kemahiran bahasa Arab. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti tahap penguasaan pelajar Asasi Universiti Awam terhadap tatabahasa Arab serta mengkaji faktor mempengaruhi penguasaan tersebut. Selain itu kajian ini juga untuk mengemukakan cadangan kaedah pengajaran dan pembelajaran tatabahasa Arab yang berkesan. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif. Soal selidik dan ujian penguasaan tatabahasa Arab digunakan untuk mengukur penguasaan tersebut. Responden dalam kajian ini terdiri daripada lepasan SPM yang berjaya memasuki Asasi Universiti Awam Malaysia. Analisis deskriptif digunakan untuk melihat tahap penguasaan pelajar. Hasil kajian didapati penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia berada pada tahap sederhana.

Kata kunci : Penguasaan, tatabahasa Arab, Pelajar Asasi

LATAR BELAKANG KAJIAN

Bahasa Arab sangat penting kerana ia merupakan bahasa perlembagaan dari langit yang perlu dibaca oleh setiap individu bergelar muslim kerana perintah dan syari'at yang terkandung dalam perlembagaan ini ditulis dalam bahasa Arab. Oleh kerana setiap muslim perlu memahami dan mengamalkan syari'at ini, mereka perlu memahaminya terlebih dahulu dan tiada cara lain untuk memahami setiap suruhan dan larangan yang terdapat dalam perlembagaan agung ini melainkan dengan memahami bahasa Arab.

¹ Wan Rohani Wan Mokhtar, MA, Calon PhD, Fakulti Bahasa & Linguistik, Universiti Malaya.

² Mohd Zaki ABd Rahman, PhD, Pensyarah Kanan, Fakulti Bahasa & Linguistik, Universiti Malaya.

³ Mohamad Azrien Mohamed Adnan, PhD, Guru Bahasa Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

⁴ Nor Hazrul Mohd Salleh, PhD, Guru Bahasa Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Selain daripada tujuan memahami ajaran Islam, penggunaan bahasa Arab adalah untuk komunikasi di mana penggunaannya pada masa sekarang bukan sahaja sebagai bahasa yang digunakan oleh penduduk di negara Arab, bahkan penggunaan bahasa Arab digunakan secara meluas di negara Islam yang lain seperti Malaysia. Penitikberatan terhadap pembelajaran bahasa Arab di Malaysia dapat dilihat begitu ketara apabila secara rasminya bahasa ini dimasukkan dalam kurikulum pendidikan Malaysia sebagai bahasa asing. Ia diajar di sekolah sebagai salah satu mata pelajaran bukan sahaja di sekolah aliran Arab bahkan sebagai mata pelajaran wajib di Sekolah Berasrama Penuh Dan Institusi Pengajian Tinggi.⁵

Memahami dan menguasai bahasa Arab memerlukan memahami beberapa aspek penting sama ada aspek tatabahasa, balaghah, mufradat dan sebagainya. Tatabahasa merupakan satu cabang ilmu bahasa Arab yang sangat penting kerana tujuan mempelajari tatabahasa Arab adalah untuk memperbetulkan lidah daripada berlaku kesalahan dalam percakapan dan pembacaan serta memperbetulkan penulisan. Untuk mengelak daripada melakukan kesilapan dalam penggunaan bahasa Arab maka perlu mengambil berat terhadap tatabahasa Arab, kerana tujuan kemunculan ilmu tatabahasa Arab adalah untuk memperbetulkan bahasa. Oleh itu, pengamal al-Qur'an dan al-Hadith sangat memerlukan kefahaman yang mendalam terhadap tatabahasa Arab agar dapat memahami kandungan syari'at yang terkandung dalam dua sumber asal yang ditulis dalam bahasa Arab.

Tatabahasa Arab memainkan peranan penting dalam menentukan maksud ayat, dengan bertukar baris perkataan dan berubah i'rāb makna atau maksud ayat akan berubah. Untuk menentukan sesuatu i'rāb perkataan dalam ayat bergantung kepada ilmu tatabahasa Arab. Oleh itu, tatabahasa Arab perlu mendapat perhatian daripada pihak berkaitan. Mengambil berat terhadap tatabahasa Arab bermaksud mengambil berat terhadap sukatan, teknik pengajaran, guru dan penilaian serta memberi fokus terhadap apa sahaja isu-isu yang ada hubungkait dengan tatabahasa Arab.

Kesilapan dalam menentukan struktur ayat bahasa Arab mengundang kesilapan dalam memahami dan mentafsirkan teks dan kejelasan tentang perkara tersebut membantu pelajar terutamanya pelajar aliran agama yang sentiasa menggunakan rujukan bersumberkan bahasa Arab dalam memahami teks yang dibaca dengan tepat dan betul. Oleh itu, pentingnya mempelajari tatabahasa bahasa Arab supaya dapat menggunakannya dengan betul mengikut kaedah yang ditetapkan oleh sarjana bahasa Arab lebih-lebih lagi bagi tujuan memahami apa yang terkandung dalam al-Qur'an.

Terdapat kelemahan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah mahupun universiti antaranya dalam menentukan ayat bahasa Arab dan membinanya khususnya semasa mengarang. Pelajar terpengaruh dengan sistem bahasa ibunda serta keliru dalam pembentukan ayat yang betul dan sesuai dalam tulisan mereka. Satu kajian di Fakulti Pengajian al-Qur'an dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia mengenai tahap pengetahuan membina frasa nama bahasa Arab. Kajian tersebut mendapati hanya 10% sahaja pelajar yang boleh mengeluarkan ayat dari petikan yang diberikan.⁶

Antara aspek tatabahasa Arab yang lain yang tidak mampu dikuasai oleh pelajar adalah dalam menguasai kata kerja bahasa Arab. Pelajar lemah dalam membezakan antara pola-pola kata kerja, perubahan makna dengan penambahan huruf serta perubahan kata kerja dari sudut

⁵ Jassem, Ali Jassem, *An Error Analysis Of The Verb Phrase: A Case Study Of The Writing Of Fourth Year Literary Stream Students At Kuala Lumpur Religious Secondary School*. Tesis Phd. Bangi: Fakulti Pendidikan (UKM, 1999).

⁶ Samah, R.. *Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama Arabic Sentences Construction Among The Islamic Religious School Graduates*. GEMA Online Journal of Language Studies, 12, 2012, 555–569.

bilangan dan gender⁷. Selain itu, pelajar juga lemah dalam menguasai al-nawasikh serta tidak memberi tumpuan yang mendalam terhadap tajuk *al-marfū'āt, al-majrūrāt dan al-mansūbāt* di mana tajuk-tajuk ini amat penting dalam pengajian tatabahasa Arab⁸

Kesalahan tatabahasa adalah kesalahan yang berlaku dalam struktur ayat. Ayat yang lengkap dan sempurna merupakan ayat yang tidak terdapat kesalahan tatabahasa. Kesalahan tatabahasa merangkumi kesalahan dari segi *i'rab* (fleksi), penggunaan ganti nama (الضمير), penggunaan isim kata nama hubung (الاسم الموصول), penggunaan huruf kata kerja (حروف), penggunaan kata nama tunggal, duaan dan plural (المفرد والمثنى والجمع), penggunaan gender (المذكر والمؤنث) dan penggunaan alif dan lām pada kalimah (الالتعريف)⁹. Penguasaan tatabahasa Arab yang mantap mampu melahirkan pelajar yang berkemahiran tinggi dalam keempat-empat kemahiran. Tanpa kefahaman yang mendalam dalam bidang tatabahasa Arab boleh mengundang kesalahan dalam menggunakan bahasa ini.¹⁰

Berdasarkan kajian dan keterangan di atas jelas membuktikan bahawa pelajar melakukan kesalahan dalam aspek tatabahasa Arab terutamanya semasa menggunakannya dalam kemahiran menulis. Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengetahui tahap penguasaan pelajar Asasi terhadap aspek tatabahasa yang telah dipelajari semasa mereka berada di sekolah Menengah. Apakah mereka memahami dan menguasai tatabahasa tersebut dengan baik atau mereka tidak mampu menguasainya sehingga menyebabkan mereka melakukan kesalahan dalam penulisan sama ada dalam membentuk ayat lengkap atau dalam menulis karangan. Diharapkan dengan kajian ini dapat melihat kekuatan dan kelemahan pelajar Asasi terhadap tatabahasa Arab serta merungkai faktor penyebab kelemahan dan kekuatan tersebut, disamping mencadangkan kaedah pengajaran yang boleh membantu meningkatkan kefahaman pelajar terhadap tatabahasa Arab sehingga mampu mengurangkan kesalahan penggunaan tatabahasa yang sering digunakan dalam penulisan mereka kerana pelajar di peringkat Asasi akan menulis, mengarang dan menggunakan bahasa Arab dalam pengajian mereka di peringkat yang lebih tinggi. Kesalahan tatabahasa dalam kalangan mereka boleh diperbaiki pada peringkat Asasi lagi agar kesalahan ini tidak menjadi semakin ketara dalam peringkat pengajian yang lebih tinggi.

PENGUASAAN TATABAHASA ARAB

Tatabahasa Arab disebut dalam bahasa Arab sebagai ilmu *QawÉ'id al-Lughah al-Arabiyyah*. Penamaan ini memperlihatkan tatabahasa Arab merangkumi dua elemen iaitu morfologi dan sintaksis, kedua-dua elemen ini mempunyai hubungan kait antara satu sama lain. Dua perkara ini sangat penting dalam bahasa Arab dan perlu dikuasai oleh pengamal bahasa Arab supaya tidak melakukan kesalahan dalam penggunaannya sama ada dalam pembacaan, penulisan mahupun pertuturan.

Nahu atau sintaksis bermaksud satu cabang ilmu linguistik yang mengkaji tentang peraturan dan susunan kata dalam sesuatu ayat. Ia merupakan satu cabang ilmu bahasa yang mengkaji secara mendalam bentuk, struktur dan binaan sesuatu ayat. Sintaksis juga dimaksudkan sebagai susunan kata-kata dalam sesuatu rangkai kata atau ayat yang

⁷ Hashim Mat Zain.. *Penguasaan kata kerja bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah: satu kajian kes*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur (Universiti Malaya, 2009).

⁸ Nurillah binti 'Abdullah Hassim, *Penyalahgunaan al-Nawasikh Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Negeri Pahang*, Tesis Master UIAM Kuala Lumpur, 2005.

⁹ Muslikhah, Z. *Analisis Kesalahan Buku Contoh-contoh Pidato 3 Bahasa Karangan Muhammad Azhar*. SKRIPSI Jurusan Sastra Arab-Fakultas Sastra UM, 2014.

¹⁰ Ali Ahmad Madkūr, *Tadrīs Funūn al-Lughah al-'Arabiyyah*. Kaherah (Dar al-Fikr al-Arabiyy, 2002).

membentuk klausa dan frasa¹¹. Jadi, sintaksis merupakan suatu kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mengkaji kaedah pengabungan dan penyusunan perkataan untuk membentuk ayat dalam sesuatu bahasa.

Dalam bahasa Arab, sintaksis atau nahu ditakrifkan sebagai kaedah atau rumus yang dengannya dapat digunakan bahasa dengan betul, walaupun tanpa menggunakan istilah yang khusus.¹² Antara objektif pengajaran nahu adalah untuk menjaga lidah dan pena daripada melakukan kesilapan, menjadikan pelajar mempunyai kekuatan pemerhatian dan berfikir secara logik dan teratur selain daripada kecekapan membuat kesimpulan dan penilaian dalam menghasilkan struktur bahasa yang betul dan memberikan pelajar kemampuan untuk mempraktik peraturan-peraturan bahasa dalam komunikasi dan penulisan, menggunakan struktur bahasa yang pelbagai dalam kehidupan serta menjadikan tatabahasa sebagai asas untuk dijadikan panduan dan ikutan. Ini adalah kerana hanya dengan memerhati, mengikut dan menghayati penggunaan tatabahasa yang betul yang akan menghasilkan bahasa yang tepat.¹³

Manakala Morfologi pula merupakan satu ilmu mengenai kaedah yang dengannya dapat mengetahui keadaan bentuk perkataan dan juga keadaan-keadaan yang bukan *i'rāb* dan *bina*.¹⁴ Maksudnya ilmu morfologi merujuk kepada ilmu tentang hukum pembinaan sesebuah perkataan yang terdiri daripada beberapa huruf. Huruf ini antaranya merupakan huruf asal atau tambahan. Ilmu ini boleh dibahagikan kepada dua iaitu; pertama, perubahan pola sesuatu perkataan kepada pola yang lain berdasarkan makna yang dikehendaki. Contohnya, perubahan daripada pola masdar kepada pola kata kerja lampau (ماضي), dan kata kerja kini (مضارع) dan lain-lain lagi. Kedua: perubahan huruf dalam binaan sesebuah perkataan yang tidak melibatkan perubahan makna tetapi disebabkan oleh berlakunya *'ibdal*, *hazf*, *qalb* dan *idgham*.¹⁵

Ilmu nahu dan saraf dikenali sebagai tatabahasa bahasa Arab. Hubungan antara dua ilmu ini sangat erat. Walau bagaimanapun, kajian tentang nahu telah mendominasi kajian tentang saraf sehingga ada yang tersilap faham bahawa yang dimaksud dengan tatabahasa Arab adalah ilmu nahu sahaja. Hubungan di antara ilmu nahu dan saraf sangat berkait rapat. Sejak awal lagi para ulama' nahu Arab telah membicarakannya secara bercampur dalam kitab mereka dan memberi perhatian sepenuhnya terhadap dua ilmu ini serta tidak memisahkan di antara keduanya sebagaimana yang ditampilkan dalam kitab *Sibawaih* karangan *Sibawaih*, kitab *al-Muqtadab* karangan *al-Mubarrid*, kitab *al-Khasā'is* *Wa al-Munsif* karangan *Ibnu Jinni* dan lain-lain lagi. Kesemua kitab tersebut membincangkan nahu dan saraf¹⁶ Begitulah dengan para ilmuan bahasa masa kini, mereka juga membicarakan ilmu tersebut dalam satu bahagian yang dinamakan dengan grammar. Pandangan yang muktamad dalam ilmu nahu dan saraf adalah ilmu saraf dikira sebagai pendahulu atau langkah permulaan bagi ilmu nahu. Ilmu saraf bukan merupakan tujuan atau matlamat, tetapi ia adalah cara atau jalan ke arah mempelajari ilmu nahu.¹⁷ Ini bererti, hasil daripada perbincangan saraf tidak mempunyai nilai selagi tidak dimanfaatkan untuk digunakan dalam konteks penstrukturan ayat.

Mengenai penguasaan tatabahasa Arab pula, ilmuan telah mentakrifkannya dalam pelbagai konsep. Antaranya, menguasai tatabahasa Arab adalah dengan dapat menggunakan

¹¹ Kamus dewan edisi 4 (2007).

¹² Taib Pa. *Dasar-dasar Utama Pengajaran Nahu Arab Di Malaysia*. Tajuk sisipan daripada buku (Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia, 2006).

¹³ Hassan Shahātah. *Ta'lim al-Lughat al-'Arabiyyat Bayna al-Nazariyyāt Wa al-Tatbīq*. Cairo (Dar Lubnaniyat Wa al-Misriyyat, 1992) h 201-201

¹⁴ Al-Ḥamalāwī, Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad. *Syarh al-'Arf Fī Fann al-Ṣarf*. Beirut (Dār al-Kutub al-'Ilmiyy, 2002)

¹⁵ Al -Ghalayini, Mustafa, *Jami' Durūs Al-Arabiyyah*, , Beirut, Lubnan (al-Maktabah al-'Asriyyah, 1998)

¹⁶ Hanafi Dolah, *Ilm al-Sarf al-Mutaqaddim Li Aḡrād 'Ilmiyyat*. UIAM, (2004), h.14-15).

¹⁷ Kamal Bashar, *Dirāsāt Fī 'Ilmi al-Lughāt*. Kaherah (Dār al-Ma'ārif, 1970).

nahu yang betul walaupun tidak mengetahui istilah-istilah tertentu dalam ilmu nahu itu sudah dianggap mereka mengetahui nahu. Meguasai bahasa Arab juga bukan dengan cara mengetahui *i'rāb* perkataan kerana ilmu nahu telah berubah peranannya daripada hanya diberi penekanan terhadap *i'rāb* atau dengan maksud lain hanya mengkaji kedudukan perkataan dalam ayat sebagai mana ditekankan oleh sarjana tradisional kepada penekanan terhadap beberapa aspek merangkumi kaedah memilih kata, frasa dan klausa untuk penggunaan yang tepat dalam ayat termasuk hubungannya dengan ayat lain¹⁸. Jadi, mengikut pandangan ini, penguasaan tatabahasa bukan lagi menguasai tajuk atau istilah yang terdapat dalam tatabahasa atau dengan hanya mengetahui kedudukan dan baris dalam ayat tetapi merangkumi penguasaan dalam pelbagai aspek dan mampu menggunakannya dalam ayat sama ada pertuturan atau penulisan serta mampu memahami teks yang ditulis dalam bahasa Arab.

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa ilmu nahu dan saraf sangat penting dan perlu diberi perhatian oleh pelajar agama dan pelajar bahasa Arab kerana kedua-duanya adalah nadi kepada ilmu bahasa Arab. Kelemahan menggunakan nahu dan saraf mengundang kesilapan dalam memahami ayat yang dibaca atau ditulis. Menguasai nahu adalah bukan lagi dengan kemampuan mendefinisikan istilah nahu atau mengetahui kedudukan perkataan dalam ayat dan mengi'rabkannya, bahkan menguasai nahu atau tatabahasa lebih kepada kecekapan, kelancaran serta mahir dalam menggunakan apa yang telah dipelajari serta mampu menggunakannya dengan baik dalam memahami teks, berkomunikasi dan penulisan. Penguasaan tatabahasa Arab dalam konteks kajian ini adalah penguasaan seorang pelajar terhadap setiap tajuk tatabahasa Arab yang diuji sehingga satu tahap yang baik dan ke atas serta melepasi tahap sederhana dan lemah mengikut julat markah yang ditetapkan

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan menerusi kaedah tinjauan yang merupakan prosedur penyelidikan kuantitatif. Kaedah ini dipilih berdasarkan reka bentuk kajian tinjauan dapat memberikan perihal fenomena dan tahap penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar. Kajian ini bertujuan melihat tahap penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar Asasi Universiti Awam. Jesteru, populasi kajian terdiri daripada lepasan SPM yang berjaya memasuki peringkat Asasi di Universiti Awam Malaysia yang menawarkan kursus bahasa Arab. Pemilihan mereka ini disebabkan jarang terdapat kajian yang melibatkan kumpulan ini dan mereka ini telah mempelajari tatabahasa Arab di peringkat sekolah selama 5 tahun. Mereka telah melalui sistem peperiksaan utama seperti PMR dan SPM, mereka juga telah melalui pembelajaran nahu dan saraf serta mempunyai maklumat tentang perkara asas tatabahasa Arab. Selain itu, pelajar di peringkat Asasi juga mengambil kursus bahasa Arab sebagai persediaan untuk pengajiannya di peringkat ijazah di mana peringkat ini memerlukan pementapan dari aspek kemahiran bahasa Arab untuk memahami ilmu dalam bidang dan pengkhususan tertentu seperti Syari'ah dan Usuluddin di mana kebanyakan bahan rujukannya dalam bahasa Arab. Populasi dalam kajian ini adalah seramai 850 orang. Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970)¹⁹, bagi populasi seramai 850 orang, sampel kajian yang diperlukan adalah seramai 265. Oleh itu responden dalam kajian adalah seramai 265 orang.

Intrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik dan soalan ujian penguasaan tatabahasa Arab. Soal selidik dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu bahagian pertama mengenai latar belakang responden dan bahagian kedua adalah pandangan responden

¹⁸ Mujawir, Muhammad Salahuddin 'Ali. *Tadrīs al-Arabiyyat Bi al-Marhalat al-Ibtida'iyyat: Asāsuhi Wa Tatbiqātuhū* (Dār al-Qalam, 1983).

¹⁹ Krejcie, Robert V. dan Daryle W. Morgan. 1970. *Determining Sample Size for Research Activities*, Educational and Psychological Measurement. Vol. 30: 607-610.

terhadapa tatabahasa Arab. Soalan ujian penguasaan tatabahasa pula terdiri daripada dua bahagian. Bahagian pertama terdiri daripada 30 soalan objektif, manakala bahagian kedua adalah 10 soalan struktur. Sebelum kajian dilakukan, kajian rintis telah dilakukan untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan soalan yang akan digunakan untuk soal selidik dalam kajian sebenar. Kesahan intrumen kajian ditentukan melalui rujukan pakar dalam bidang tatabahasa Arab, manakala kebolehpercayaan instrumen kajian pula dilakukan dengan *test retest*, Alpha Cronbach dan Cohen Kappa. Data dianalisis secara deskriptif untuk mencari kekerapan, peratusan dan min.

DAPATAN KAJIAN

Berikut adalah hasil dapatan kajian yang telah dilakukan

Latar belakang Responden

Jadual 1: Latarbelakang Responden

1.	Jantina	Peratusan	
	i) Lelaki	26%	
	ii) Perempuan	74%	
2.	Jenis Sekolah		
	i) Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)	35%	
	ii) Sekolah Agama Kerajaan Negeri	17%	
	iii) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK)	11%	
	iv) Sek Agama Bantuan Kerajaan (SABK)	20%	
	v) Lain-lain	17%	
3.	Tujuan mempelajari Bahasa Arab (<i>boleh tentukan lebih daripada satu</i>) :		
	i) Mendalami ajaran agama Islam	73%	
	ii) Mendalami bahasa Arab itu sendiri	68%	
	iii) Untuk bertutur di dalam bahasa Arab	61	
	iv) Hanya sebagai mata pelajaran tambahan	12%	
	v) Sebab lain	23%	
4.	Masa mengulang kaji Bahasa Arab dalam seminggu :-		
	i) Kurang 1 jam	18%	
	ii) 1 hingga 2 jam	40%	
	iii) 2 hingga 3 jam	24%	
	iv) Lebih 3 jam	40%	
5.	Keputusan peperiksaan Bahasa Arab SPM :-		
	i) A	77%	
	ii) B	22%	
	iii) C	1%	
6.	Sebab mengambil bahasa Arab dalam peperiksaan SPM:		
	i) Dapat menyambung banyak bidang pengajian dalam bahasa Arab selepas SPM	85%	
	ii) Terpaksa/Tiada pilihan lain	15%	
7.	Komponen Bahasa Arab Tinggi paling mudah dan paling diminati	Paling Mudah	Paling Diminati
	i) Nahu	42%	35%
	ii) Soraf	30%	21%
	iv) Balaghah	12%	27%
	v) Nusus	9%	8%

	vi)	Bacaan teks & menjawab soalan kefahaman dan lain-lain.	1%	1%
	vii)	Membuat ayat, ta'bir & Insy' (buat karangan)	1%	1%
8.	Persepsi umum terhadap bahasa Arab			
	i)	Mudah	13%	
	ii)	Sederhana	68%	
	iii)	Susah	19%	

Jadual di atas menunjukkan responden terdiri daripada pelajar perempuan melebihi pelajar lelaki pada nisbah 3:1. Majoriti responden daripada Sekolah Menengah Agama (SMKA). Berdasarkan kajian ini juga, kebanyakan responden yang melanjutkan pengajian ke peringkat Asasi Universiti Awam adalah terdiri daripada pelajar yang telah mula mempelajari bahasa Arab semenjak sekolah Rendah

Dapatan kajian menunjukkan tujuan umum responden mempelajari bahasa Arab di sekolah adalah untuk mendalami ajaran agama, ingin mendalami bahasa Arab itu sendiri serta ingin bertutur dalam bahasa Arab. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir responden iaitu 14% berpendapat mereka mempelajari bahasa Arab hanya sebagai satu mata pelajaran tambahan. Terdapat tujuan lain dalam mempelajari bahasa Arab antaranya adalah untuk memudahkan mereka mendapatkan pekerjaan serta menambahkan kebolehan berbahasa di samping berminat dengan keindahan bahasa Arab itu sendiri.

Tujuan responden mengambil subjek bahasa Arab pada peringkat SPM pula, majoriti menyatakan kerana dengan mengambil subjek bahasa Arab di peringkat SPM akan membolehkan mereka menyambung pengajian di peringkat universiti dalam pelbagai bidang agama. Seramai (15%) mengatakan mereka tiada pilihan lain, mereka terpaksa memilih bahasa Arab untuk memenuhi syarat yang dikenakan dalam memilih pakej subjek SPM yang ditentukan oleh pihak sekolah.

Masa yang digunakan oleh responden untuk mengulang kaji bahasa Arab antara 1-2 jam sahaja dalam seminggu, bahkan terdapat yang mengambil masa kurang daripada satu jam. Walau bagaimanapun, terdapat responden yang menggunakan masa melebihi 3 jam untuk mengulang kaji bahasa Arab dalam seminggu.

Kajian pencapaian bahasa Arab responden di peringkat SPM mendapati majoriti responden mendapat gred A dalam bahasa Arab dalam peringkat SPM. Komponen bahasa Arab yang paling mudah dan paling diminati oleh responden adalah komponen nahu diikuti saraf dan balaghah. Ini bermakna pelajar yang cemerlang dalam peperiksaan SPM dan pelajar yang berjaya menyambung pengajian ke peringkat Asasi Universiti Awam menganggap nahu/saraf atau tatabahasa Arab adalah matapelajaran yang paling diminati dan paling mudah bagi mereka berbanding komponen bahasa Arab yang lain.

Pandangan Responden Terhadap Penguasaan Tatabahasa Arab

Jadual di bawah merupakan dapatan kajian mengenai pandangan responden terhadap penguasaan tatabahasa Arab.

Jadual 2: Pandangan responden terhadap penguasaan tatabahasa Arab

Bil	Kenyataan	Tidak setuju	Tidak Pasti	Setuju	Min
1	Saya boleh membezakan antara kata nama, kata kerja dan kata tugas dengan baik	11 4%	35 13%	219 83%	2.78
2	Saya menguasai nahu dan saraf dengan baik	32 12%	72 27%	159 60%	2.48

Bil	Kenyataan	Tidak setuju	Tidak Pasti	Setuju	Min
3	Saya boleh memahami teks bahasa Arab dengan baik	55	87	123	2.25
		21%	33%	46%	
4	Saya boleh memberi baris perkataan dalam teks bahasa Arab dengan betul	86	90	89	2.01
		32%	34%	34%	
5	Guru di sekolah memberikan galakan kepada saya untuk menguasai tatabahasa Arab	5	12	248	2.91
		2%	4%	94%	
6	Nahu dan Saraf membantu Saya dalam menulis karangan	7	19	239	2.87
		3%	7%	90%	
7	saya mengambil berat terhadap nahu dan saraf semasa menulis karangan bahasa Arab	23	75	167	2.54
		9%	28%	63%	
8	Saya menganggap nahu dan saraf itu penting	7	15	243	2.89
		2%	6%	92%	
9	Saya berminat mempelajari nahu dan saraf	14	32	219	2.77
		5%	12%	83%	
10	Saya berpendapat Nahu dan saraf senang	39	90	136	2.36
		12%	34%	53%	
11	Saya sentiasa mengulangkaji nahu dan saraf	61	81	123	2.34
		14%	30%	46%	
Min					2.56

Terdapat tiga tahap skor min yang telah ditetapkan bagi semua item yang dikaji berdasarkan skor min iaitu 1.00 hingga 1.66 tidak setuju, 1.67 hingga 2.33 tidak pasti dan 2.34 hingga 3.00 setuju. Jadual di bawah menunjukkan interpretasi kepada tahap skor min tersebut.

Jadual 3 : Interpretasi Julat Skor Min

Julat	Tahap Skor Min
1.00 – 1.66	Tidak Setuju
1.67 – 2.33	Tidak Pasti
2.34 – 3.00	Setuju

Daripada 11 item yang diuji tentang pandangan responden terhadap bahasa Arab menunjukkan skor min yang tinggi pada keseluruhan item iaitu 2.56. Terdapat 9 item berada pada tahap interpretasi setuju iaitu pada item ke-1 iaitu “Saya boleh membezakan antara kata nama, kata kerja dan kata tugas dengan baik” dengan nilai skor min iaitu 2.78, item ke-2 “Saya menguasai nahu dan saraf dengan baik” dengan skor min 2.48, item ke-5 “Guru di sekolah memberikan galakan kepada saya untuk menguasai tatabahasa Arab” dengan nilai skor min 2.91, item ke-6 “Nahu dan saraf membantu Saya dalam menulis karangan” dengan nilai skor min 2.54, item ke-7 “saya mengambil berat terhadap nahu dan saraf semasa menulis karangan bahasa Arab” dengan nilai skor min 2.54, item ke-8 “Saya menganggap nahu dan saraf itu penting” dengan nilai skor min 2.89, item ke-9 “Saya berminat mempelajari nahu dan saraf” dengan nilai skor min 2.77, item ke-10 “Saya berpendapat nahu dan saraf senang” dengan nilai min 2.36 dan item ke-11 “Saya sentiasa mengulangkaji nahu dan saraf” dengan nilai min 2.34. Terdapat dua item yang berada pada tahap tidak pasti iaitu, item ke-3 “Saya boleh memahami teks bahasa Arab dengan baik” dengan skor min 2.25 dan item ke-4 “Saya boleh memberi baris perkataan dalam teks bahasa Arab dengan betul” dengan

nilai min 2.01. Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan nilai min yang tinggi bagi hasil kajian ini, iaitu nilai min bagi 9 item melebihi 2.34.

Dapatan Kajian Penguasaan Tatabahasa Arab

Bahagian Pertama

i. Penguasaan Kata Nama dalam Bahasa Arab

Jadual 4: Penguasaan Pelajar Terhadap Kata Nama dalam Bahasa Arab

Bil	Soalan	Bil Responden	
		Betul (%)	Salah (%)
1	اختر الكلمة المؤنثة :	78	22
2	اختر الاسم المفرد:	98	2
3	قوله تعالى { قال إني أنا أخوك فلا تبتئس بما كانوا يعملون } ما نوع الكلمة " أخوك " في الآية ؟	84	16
4	اختر الجملة الصحيحة في استعمال الجمع فيما يأتي:	59	41
5	اختر الجملة الصحيحة في استعمال المثني:	49	51
6	اختر الاسم المعرفة	49	51

Pengkaji telah mengemukakan sebanyak 6 soalan untuk menguji penguasaan responden terhadap kata nama dalam bahasa Arab. Penguasaan kata nama dalam bahasa Arab merangkumi pembahagian kata nama berdasarkan jantina, bilangan, am dan khas. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, dapatan kajian menunjukkan penguasaan responden terhadap pembahagian kata nama mengikut jantina adalah pada tahap tinggi iaitu 78%. Pengenalan kata nama tunggal juga dapat dikuasai oleh majoriti responden iaitu sebanyak (98%). Peratusan penguasaan tajuk kata nama duaan dan jama' agak rendah iaitu hanya (59%) responden dapat menguasai penggunaan kata jama' dan hanya 49% sahaja responden yang dapat menguasai kata nama duaan. Begitulah juga responden kurang menguasai tajuk kata nama am dan khas, hanya 49% responden sahaja yang dapat menjawab soalan mengenainya.

ii. Penguasaan Kata Tugas

Jadual 5: Penguasaan Kata Tugas

Bil	Soalan	Bil Responden	
		Betul (%)	Salah (%)
1	الحرف الذي يدخل على الفعل هو؟	65	35
2	اختر الحرف المناسب للجملة الآتية	70	30
3	اختر الحرف الذي يدخل على الاسم والفعل معا	50	50
4	اختر حرف الجر المناسب للمكان الخالي فيما يأتي	59	41

Terdapat 4 soalan objektif berkenaan kata tugas yang digunakan sama ada bersama kata kerja atau kata nama dikemukakan kepada responden. Dapatan kajian menunjukkan penguasaan responden mengenai kata tugas khas untuk kata kerja adalah sederhana iaitu 65%. Peratusan kefahaman responden terhadap kata tugas am iaitu kata tugas yang digunakan untuk kata kerja dan kata nama juga sederhana iaitu 50%. Mana kala peratusan terhadap penggunaan kata tugas yang sesuai dalam ayat yang diberikan ialah sebanyak 70% dan penggunaan huruf *jarr* sebanyak 59%.

iii. Penguasaan Kata Kerja dan Ayat Kata kerja

Jadual 6: Penguasaan Kata Kerja dan Ayat Kata Kerja

Bil	Soalan	Bil Responden	
		Betul (%)	Salah (%)
1	اختر الجملة التي فيها فعل مضارع :	72	28
2	املا الفراغ بفعل الأمر (يا علي إلى المسجد)	94	6
3	الجملة الفعلية هي الجملة التي تتكون من:	96	4
4	قوله تعالى {الله الذي خلقكم} : الفاعل في الجملة :	32	68
5	اختر جملة فيها فاعل (نزل المطر-نزل المطر)	71	28
6	اختر جملة فيها مفعول به :	48	52

Daripada ujian yang dijalankan terhadap responden, didapati penguasaan responden terhadap jenis kata kerja dan tanda pengenalan kata kerja *muḍāri* adalah tinggi. Sebanyak 72% responden dapat mengenali kata kerja *muḍāri*, manakala pengenalan kata kerja *amar* pula amat tinggi iaitu sebanyak 94% responden boleh memilih kata kerja *amar* dalam soalan yang diberikan dengan betul. Begitu juga dengan penguasaan kandungan atau struktur ayat kata kerja, hampir kesemuanya iaitu 96% responden mengetahui bahawa struktur ayat kata kerja terdiri daripada kata kerja dan pelaku. Walaupun responden dapat mengenalpasti kata kerja dan struktur ayat kata kerja yang terdiri daripada kata kerja dan pelaku serta objek, mereka lemah dalam menentukan pelaku dan objek dalam ayat. Dapatan kajian menunjukkan hanya 32 % responden sahaja yang dapat menentukan pelaku yang terkandung dalam ayat yang diberikan iaitu ayat *الله الذي خلقكم*. Ketika diminta supaya menentukan ayat yang mengandungi pelaku sama ada ayat *المطر نزل أمس* atau *نزل المطر في الصباح*, sebanyak 71% boleh menjawab dengan betul.

Peratusan responden yang dapat mengenali ayat yang mengandungi objek apabila diminta untuk memilih ayat yang mengandungi objek sama ada ayat *بعت السيارة* atau *(وصلت السيارة)*, hanya 48% responden sahaja yang memilih jawapan yang betul. Pengkaji dapat menyimpulkan di sini bahawa responden tidak dapat memilih ayat yang mengandungi objek dengan betul kerana mereka tidak dapat mengenalpasti pelaku dalam bentuk ganti nama dalam ayat tersebut. Kesimpulannya, pengkaji berpendapat mengenai kefahaman responden terhadap ayat kata kerja bahawa responden dapat menentukan objek sekiranya mereka dapat menentukan pelaku, responden juga akan dapat menentukan pelaku sekiranya pelaku dalam bentuk kata nama bukan ganti nama, responden juga boleh menentukan pelaku dengan mudah sekiranya pelaku daripada jenis kata nama yang hidup seperti manusia dan binatang.

iv. Penguasaan Ayat Kata Nama

Jadual 7: Penguasaan Ayat Kata Nama

Bil	Soalan	Bil Responden	
		Betul (%)	Salah (%)
1	المبتدا.....:	85	15
2	ضع المبتدا المناسب للخبر (.....محمودة)	89	11
3	اختر خبرا ل (المواصلات) :	87	13
4	"غالبا ما يكون الخبر اسما ، وهذا الاسم ينبغي أن يكون اسما مشتقا" :	44	56
5	الخبر في الجملة " كل معاملة تؤدي إلى أكل المال بالباطل حرام ":	51	49

Dapatan kajian menunjukkan (85%) responden mampu menentukan konsep subjek dan predikat dalam bahasa Arab dengan betul dan sebanyak (89%) responden dapat memilih sama ada *محمودة* (.....) *الأعمال الجماعية* atau *العمل الجماعي* sesuai dijadikan subjek dalam ayat

Dapatan kajian juga menunjukkan responden menghadapi masalah dalam memahami konsep predikat, apabila diminta supaya memilih predikat untuk ayat (.....) *(المواصلات)*, responden mampu menjawab dengan betul sebanyak 87%, tetapi apabila diminta untuk memilih antara perkataan *قارئ* dan *قراءة* yang mana boleh dijadikan khabar, hanya 44% responden sahaja yang memilih perkataan yang betul. Begitulah, apabila diminta supaya menentukan predikat dalam ayat *كل معاملة تؤدي إلى أكل المال بالباطل حرام*, hanya 51.% responden sahaja dapat menjawabnya.

Dari sini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa pelajar dapat mengenali konsep subjek dalam bahasa Arab, tetapi sukar bagi mereka mengenali predikat. Kesukaran untuk menentukan predikat berbanding subjek kerana subjek boleh dikenali dengan penggunaan kata nama, tetapi bagi menentukan dan menggunakan prediket agak rumit kerana dalam predikat terdapat bahagian dan jenisnya yang merumitkan pelajar untuk mengingatnya. Kesukaran menentukan predikat tunggal yang terdiri daripada kata nama juga sukar bagi responden berbanding penentuan subjek walaupun kedua-duanya terdiri daripada kata nama, kerana kata nama pada subjek lebih umum berbanding kata nama untuk predikat tunggal yang hanya terhad kepada kata nama *musytaq* sahaja. Dapatan kajian dalam tajuk ini menunjukkan responden sukar menentukan subjek dan predikat sekiranya subjek dalam bentuk ungkapan yang panjang seperti dalam soalan 5.

v. Penguasaan *al-Nawāsikh*

Jadual 8: Penguasaan *al-Nawāsikh*

Bil	Soalan	Bil Responden	
		Betul (%)	Salah (%)
1	إِنَّ وَأَخَوَاتِهَا :	85	15
2	ما إعراب (تهتم بصحة الأولاد) في الجملة " ما دامت الأم تهتم بصحة الأولاد " ؟	70	30
3	اختر الجملة الصحيحة في استعمال (كان) فيما يأتي:	84	16

Dapatan kajian menunjukkan responden tidak mempunyai masalah dalam memahami konsep *al-nawāsikh* (إِنَّ وَأَخَوَاتِهَا). Sebanyak 85% responden mampu menentukan jawapan yang betul mengenai konsep *al-nawāsikh* (إِنَّ وَأَخَوَاتِهَا). Begitulah 70% responden dapat menentukan *i'rāb* اسم ما دام dalam ayat yang diberikan dan 84% dapat menjawab penggunaan كان dengan betul.

vi. Penguasaan Frasa Sifat

Jadual 9: Penguasaan Frasa Sifat

Bil	Soalan	Bil Responden	
		Betul (%)	Salah (%)
1	"الصفة تتبع الموصوف في رفعه ونصبه وخفضه" : اختر المثال الصحيح للصفة:	76	24
2	"والصفة أيضا تتبع الموصوف في تعريفه وتذكيره وفي تأنيده" : اختر المثال الصحيح للصفة :	74	26
3	ما هي الصفة في الجملة " أنا محمد الطالب في هذه الجامعة " ؟	91	9

Penguasaan responden terhadap frasa sifat pula, dapatan kajian menunjukkan responden dapat memilih sifat dalam ayat yang diberikan dengan betul iaitu 76% pada soalan pertama, (74%) pada soalan kedua, dan 91% pada soalan ketiga. Dapatan ini bererti responden tidak menghadapi masalah dalam mengenali sifat dalam ayat yang diberikan.

vii. Penguasaan Frasa *Idāfat*

Jadual 10: Penguasaan Frasa *Idāfat*

Bil	Soalan	Bil Responden	
		Betul (%)	Salah (%)
1	"الصفة تتبع الموصوف في رفعه ونصبه وخفضه" : اختر المثال الصحيح للصفة:	76	24
2	"والصفة أيضا تتبع الموصوف في تعريفه وتذكيره وتأنينه" : اختر المثال الصحيح للصفة :	74	26
3	ما هي الصفة في الجملة " أنا محمد الطالب في هذه الجامعة " ؟	91	9

Hasil kajian mengenai kefahaman responden tentang Frasa *idāfat* daripada jenis kata nama duaan menunjukkan hanya (42%) responden dapat menjawab dengan betul, tetapi apabila diminta supaya memilih *muḍāf ilaih* daripada kata nama jenis duaan dan *jama'* atau yang *dimajrūrkan* dengan *yā'*, seramai 85% responden dapat menjawab dengan betul. Ini adalah kerana responden kurang peka terhadap pembuangan huruf nun yang ada pada *muḍāf* ketika menyandar kepada perkataan lain tetapi apabila kata nama *jama'* atau kata nama duaan disandarkan oleh *muḍāf*, huruf *yā'* dan nun masih kekal, perkara ini menjadi faktor responden boleh memilih jawapan yang betul. Di sini pengkaji merumuskan bahawa responden masih lemah dalam memahami konsep *idāfat* terutamanya pada *muḍāf* daripada jenis kata nama duaan dan *jama'*. Begitulah mereka masih lemah dalam membezakan *muḍāf Ilaih* dan sifat terutamanya apabila kedua-duanya berada dalam bentuk yang sama dari aspek *nakirat* atau *ma'rifat*. Kenyataan ini dapat dilihat pada hasil dapatan kajian yang dikemukakan kepada mereka untuk menentukan sama ada perkataan كبير atau محمد yang merupakan *muḍāf ilaih*. Hanya 37% yang dapat menentukan jawapan dengan betul.

Bahagian Kedua

Dalam bahagian ini, responden diminta menentukan sama ada ayat yang diberikan betul atau salah, hasil kajian adalah seperti jadual di bawah:

Jadual 11: Penguasaan Pelajar Terhadap Soalan Berbentuk Struktur

Bil	Tajuk	Ayat	Bil Responden	
			Betul (%)	Salah (%)
1	Ayat KN	أبي اسمه محمد	9	91
2	Ayat KK	يعمل أمي معلمة	21	79
3	Al-Nawasikh	كنت طالب في المدرسة	43	57
		صرت طالب في الجامعة	42	58
		إننا متعلمين في الجامعة	66	34
5	Ayat KN	الطلاب يصلي في المسجد	18	82
6	Ayat KK	تصلي الطالبات في المصلى	6	94
		زار الطالبات المتحف	23	77
7	Idāfat	شاهدنا الأفيال في حديقة الحيوان	72	28

Bil	Tajuk	Ayat	Bil Responden	
			Betul (%)	Salah (%)
	Sifat	تصورنا مع الزائرين الآخرين	53	47

Daripada jawapan responden boleh dirumuskan bahawa peratusan penguasaan responden terhadap soalan berbentuk struktur adalah sangat lemah. Hanya satu soalan mampu dijawab pada tahap cemerlang iaitu soalan mengenai *idāfat*, iaitu 72% mengatakan ayat شاهدنا الأفال في الحديقة الحيوان adalah salah. Dapatan ini menyokong dapatan kajian dalam soalan objektif yang menunjukkan majoriti responden boleh mengenalpasti frasa *idāfat* dalam bentuk kata nama tunggal. Manakala soalan mengenai sifat pula, sebanyak 53% responden mengatakan ayat تصورنا مع الزائرين الآخرين adalah salah. Kenyataan ini juga disokong oleh dapatan kajian dalam soalan objektif yang menunjukkan responden tidak menghadapi masalah dalam mengenali frasa sifat. Walau bagaimanapun, mereka keliru tentang *i'rāb* sifat apabila berada dalam bentuk kata nama duaan dan kata nama *jama'*. Ini dibuktikan oleh peratusan kefahaman yang lebih rendah dalam soalan ini berbanding peratusan penguasaan frasa sifat daripada kata nama tunggal dalam soalan objektif.

Penguasaan responden dalam membezakan ayat yang salah dan betul dalam ayat kata nama sangat lemah terutamanya ayat kata nama yang mengandungi predikat berbentuk ayat kata kerja dan ayat kata nama. Kenyataan ini dapat dilihat pada peratusan yang menjawab ayat اسمه محمد adalah betul hanya 9% sahaja. Begitulah ayat الطلاب يصلي في المسجد, hanya 18% mengatakan ayat ini adalah salah. Dapatan ini sekali lagi menguatkan dapatan kajian dalam bahagian objektif bahawa responden lemah dalam mengenali pelaku dalam bentuk ganti nama.

Responden juga sangat lemah dalam memahami padanan antara kata kerja dan pelaku dari aspek jantina dan bilangan, buktinya peratusan yang amat rendah responden menjawab dengan betul ayat kata kerja (تصلي الطالبات في المصلى), (يعمل معلمة أمي) dan زار الطالبات (المتحف) iaitu sebanyak 6%, 21% dan 23% sahaja.

Penguasaan responden dalam tajuk *al-nawāsikh* pula ialah antara 42-66% sahaja. Dapatan kajian dalam bahagian ini sedikit bercanggah dengan dapatan kajian dalam soalan objektif yang menunjukkan responden dapat menguasai penggunaan *al-nawāsikh*. Pada pandangan pengkaji, responden tidak menghadapi masalah dalam menggunakan *al-nawāsikh* tetapi mereka lemah dalam menentukan (اسم النواسخ) apabila berada dalam bentuk ganti nama

Rumusan Penguasaan Responden terhadap Tatabahasa Arab

Bahagian ini membentangkan rumusan dapatan kajian penguasaan responden terhadap tajuk kajian iaitu penguasaan pelajar terhadap tatabahasa Arab. Sebelum mengemukakan dapatan kajian, pengkaji mengemukakan ukuran penguasaan yang diubahsuai daripada julat pemarkahan SPM:

Jadual 12: Julat Pemarkahan SPM

Markah	Gred	Ukuran
70-100	A	Menguasai
60-69	B	
50- 59	C	
40-49	D	Tidak Menguasai

Jadual di atas menunjukkan markah 50 dan ke atas menunjukkan pelajar telah mencapai tahap penguasaan. Berdasarkan pemarkahan di atas, jadual berikut menunjukkan bilangan responden yang menguasai tatabahasa Arab yang mendapat markah melebihi 50% (gred C) pada setiap tajuk yang diuji.

Jadual 13: Penguasaan Tatabahasa Arab dalam kalangan Pelajar Asasi

Tajuk	Bilangan responden	Jumlah Responden yang menguasai TBA	Peratusan	Tahap
Kata Nama	265	235	89%	Sangat Tinggi
Kata Tugas		184	59%	Sederhana
Ayat Kata Kerja		159	60%	Sederhana
Ayat Kata Nama		159	60%	Sederhana
<i>Al-Nawāsikh</i>		217	82%	Tinggi
Frasa Sifat		189	71%	Tinggi
Frasa <i>Idāfat</i>		231	58%	Sederhana
Min			69%	Sederhana

Jadual di atas menunjukkan peratusan penguasaan responden terhadap tajuk kata nama adalah sebanyak 89%, tajuk kata tugas 59%, tajuk ayat kata kerja 60%, tajuk ayat kata nama 60%, tajuk al-nawasikh 82%, tajuk frasa Sifat 71% dan tajuk frasa id'āfat sebanyak 87%.

Berdasarkan jadual pemarkahan di atas, pengkaji juga mengemukakan gred dan tahap penguasaan keseluruhan responden pada setiap tajuk yang diuji. Tahap penguasaan yang dikemukakan di sini berdasarkan julat pemarkahan Asasi Pengajian Islam Universiti Malaya. Jadual tahap penguasaan seperti berikut:

Jadual 14 Pengiraan Tahap Penguasaan Tatabahasa Arab

Peratusan	Tahap
86-100	Sangat Tinggi
70-85	Tinggi
50-69	Sederhana
40-49	Rendah

Berdasarkan jadual pemarkahan di atas boleh dirumuskan penguasaan pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia terhadap kata nama adalah pada tahap sangat tinggi, penguasaan terhadap *nawāsikh* dan frasa sifat pada tahap tinggi dan penguasaan kata tugas, kata kerja dan ayat kata kerja, ayat kata nama dan frasa *idāfat* berada pada tahap sederhana. Purata penguasaan responden terhadap tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar Asasi Universiti Awam berada pada tahap sederhana.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Rumusan

Kefahaman dan penguasaan tatabahasa Arab sangat penting kerana dengan menguasai tatabahasa Arab membantu pelajar meningkatkan penguasaan pemahaman teks bahasa Arab

dan dapat mengaplikasikan tatabahasa Arab dalam pembentukan ayat serta dalam komunikasi harian. Oleh itu, kelemahan pelajar dalam menguasai tatabahasa Arab perlu ditangani oleh semua pihak.

Responden dalam kajian ini terdiri daripada lepasan SPM yang berjaya memasuki Asasi Universiti Awam. Terdapat dalam kalangan mereka dapat menguasai tatabahasa dengan baik dan terdapat dalam kalangan mereka lemah dalam menguasainya. Daripada dapatan kajian ini pengkaji merumuskan bahawa antara faktor mempengaruhi penguasaan tatabahasa Arab dalam kalangan pelajar Asasi Universiti awam seperti berikut:

i. Objektif mempelajari bahasa Arab

Kajian ini menunjukkan objektif mempelajari bahasa menyumbang penguasaan tatabahasa Arab, tanpa objektif yang jelas boleh menjejaskan penguasaan terhadap bahasa Arab. Kajian ini menunjukkan terdapat responden yang tidak mempunyai objektif yang jelas dalam mempelajari bahasa Arab, antaranya mereka mempelajari bahasa Arab kerana terpaksa dan hanya untuk mencukupi pakej matapelajaran SPM sahaja. Walaupun majoriti responden mempunyai objektif yang jelas terhadap pembelajaran bahasa Arab seperti ingin mendalami bidang agama, berminat dengan keindahan bahasa Arab dan ingin bertutur dalam bahasa Arab, pada pendapat pengkaji, penguasaan keseluruhan responden terjejas dengan beberapa pencapaian responden yang tidak mempunyai objektif yang jelas terhadap pembelajaran bahasa Arab tadi.

ii. Masa Mengulangkaji Bahasa Arab

Masa yang diambil untuk mengulangkaji juga mempengaruhi kebolehan responden terhadap bahasa Arab. Kekerapan mengulangi apa yang dipelajari merupakan faktor penting dalam kecemerlangan. Kajian ini menunjukkan pelajar kurang memberikan masa untuk mengulangkaji tatabahasa Arab. Responden terdiri daripada kalangan pelajar cemerlang sepatutnya penguasaan mereka juga turut cemerlang tetapi penguasaan keseluruhan hanya berada pada tahap kepujian. Pada pendapat pengkaji, sekiranya mereka memberi lebih masa untuk mengulangkaji mereka akan lebih menguasai apa yang dipelajari dan mereka menjadi lebih cemerlang.

iii. Minat dan Kesungguhan

Minat dan Kesungguhan serta mengambil berat terhadap apa yang dipelajari mempengaruhi kecemerlangan dalam matapelajaran bahasa Arab. Sungguhpun responden terdiri daripada kalangan pelajar cemerlang, mereka sudah memahami apa yang diajar di dalam kelas, tetapi oleh kerana kecuaiian dan sikap tidak berhati-hati mereka dalam memilih jawapan menyebabkan mereka tersilap memberi jawapan yang betul dalam peperiksaan dan markah yang diperolehi berada pada tahap sederhana sahaja

iv. Motivasi

Faktor sikap dan motivasi memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pembelajaran bahasa kedua. Motivasi dan galakan daripada guru adalah penting untuk meningkatkan penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab. Kajian ini menunjukkan responden telah mendapat galakan daripada guru di sekolah untuk mempelajari bahasa Arab. Faktor ini membantu mereka mendapat gred cemerlang dalam bahasa Arab dalam peperiksaan SPM.

Dapatan kajian ini menunjukkan purata penguasaan responden terhadap tajuk tatabahasa Arab yang diuji berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan terdapat dalam kalangan responden yang cemerlang dan yang lemah dalam menguasai tatabahasa Arab. Jika

diperhatikan penguasaan pada setiap soalan dan tajuk ujian akan didapati tahap penguasaan responden pada setiap soalan dan setiap tajuk masih tidak memuaskan terutamanya pada tajuak ayat sama ada ayat kata nama atau ayat kata kerja dan tajuk tersebut sangat mempengaruhi pemahaman dan penulisan bahasa Arab. Kajian ini hanya menyentuh tentang penguasaan pelajar terhadap sebahagian tajuk tatabahasa Arab sahaja tanpa menyentuh kemahiran lain seperti kemahiran membaca dan menulis. Oleh itu, tahap penguasaan ini tidak membuktikan responden turut menguasai kemahiran bahasa Arab yang lain. Oleh itu pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa untuk mempertingkatkan lagi kemahiran pelajar dalam pelbagai aspek. Untuk meningkatkan lagi penguasaan bahasa Arab amnya dan tatabahasa Arab khasnya dalam kalangan pelajar Asasi, pengkaji mengemukakan berberapa cadangan untuk pengajaran dan pembelajaran tatabahasa Arab di peringkat ini, antaranya:

Cadangan Kepada Pentadbir/Institusi

Untuk melancarkan pengajaran dan pembelajaran tatabahasa Arab memerlukan sokongan daripada pihak institusi. Institusi perlu proaktif dalam meningkatkan kecemerlangan pelajar dengan mengadakan program-program motivasi, aktiviti dan kem bahasa Arab serta kursus intensif untuk memberi semangat dan menarik minat para pelajar dalam mempelajari tatabahasa bahasa Arab. Pihak pentadbir institusi juga perlu sentiasa mempertingkatkan serta memperbaharui sistem pengajaran dan pembelajaran sejajar dengan kemajuan teknologi dalam pendidikan. Pihak institusi juga perlu mengadakan bengkel, seminar dan kursus-kursus kepada para pengajar bagi meningkatkan kemahiran dalam pengajaran tatabahasa Arab di samping memastikan para guru/pengajar yang kurang pengalaman didedahkan dengan kemahiran dan teknik pengajaran yang sesuai dan terkini, di samping menyediakan bahan rujukan serta buku-buku terbaru bagi memudahkan guru membuat rujukan.

Cadangan Kepada Guru/Pensyarah

i. Mengkaji Latar Belakang Dan Pengetahuan Lepas Pelajar

Sebelum memulakan pengajaran, guru harus mengkaji latar belakang dan pengetahuan lepas pelajar agar dapat dijadikan sebagai panduan pengajaran. Lulusan SPM yang berjaya memasuki peringkat Asasi Universiti Awam mempunyai pelbagai latarbelakang bahasa Arab. Tanpa mengkaji terlebih dahulu latar belakang kefahaman mereka terhadap bahasa Arab yang berbeza-beza ini akan menyukarkan guru untuk menyampaikan pengajaran.

ii. Pengajaran yang Lebih Fokus

Pengajaran di peringkat Asasi hendaklah memberi fokus terhadap tajuk penting yang kurang dikuasai oleh pelajar seperti tajuk jumlah ismiyyah dan jumlah fi'liyah, kerana dua tajuk ini sangat penting dan merupakan asas bagi struktur ayat bahasa Arab. Kelemahan dalam menguasai tajuk ini boleh menyebabkan kesilapan dalam penulisan dan pemahaman teks bahasa Arab.

iii. Kaedah Dan Teknik Pengajaran Yang Menarik

Menurut Kamaruddin (1997), guru mempunyai tanggungjawab yang penting dalam proses pengajaran iaitu menyampaikan ilmu kepada murid, pengajaran guru seharusnya berdaya tarikan dan mampu meningkatkan motivasi murid. Motivasi akan menjadi berkurangan apabila proses pembelajaran dipenuhi dengan aktiviti yang tidak bermakna. Esah Sulaiman (2004)

menyokong bahawa pemilihan kaedah yang betul akan menimbulkan minat murid untuk belajar. Oleh itu, guru perlu memilih kaedah terkini dan sesuai dengan kebolehan pelajar. Pengajaran tatabahasa Arab secara tradisi tidak relevan untuk jenerasi sekarang. Pengajaran yang menggunakan kaedah terkini terutamanya melalui penggunaan perisian dan program tertentu boleh menarik minat pelajar. Kaedah syarahan masih boleh digunakan tetapi perlu menarik dan disertakan dengan contoh yang hampir dengan diri pelajar. Perbandingan antara kaedah bahasa kedua dan bahasa ibunda juga boleh membantu pelajar untuk memahami apa yang diajarkan kepada mereka

Cadangan Kepada Pelajar Asasi

Segala usaha sama ada daripada pihak institusi atau pensyarah tidak akan berjaya tanpa kerja sama daripada pihak pelajar. Oleh itu di sini dikemukakan beberapa cadangan kepada pelajar;

i. Strategi Pembelajaran

Untuk menguasai tatabahasa Arab memerlukan strategi khas. Antara strategi yang boleh digunakan oleh pelajar seperti perbincangan dan bimbingan sesama rakan sebaya, kerana pelajar lebih tahu kelemahan dan kekuatan diri dan mereka lebih tahu bagaimana untuk mengatasinya

ii. Menggunakan Rujukan Terkini

Pembelajaran tatabahasa Arab perlu rujukan pelbagai dan terkini sama ada guru atau pelajar. Pelajar juga tidak seharusnya mengharapkan syarahan guru sahaja, bahkan mereka perlu rajin merujuk buku-buku tatabahasa terkini yang ditulis oleh ahli bahasa di dalam dan luar negara. Rujukan guru terhadap kekeliruan yang terdapat dalam buku rujukan juga penting untuk mendapatkan penjelasan lebih lanjut.

iii. Latihan Berterusan

Pembelajaran tatabahasa Arab adalah satu kemahiran yang memerlukan latihan berterusan. Oleh itu, perlu bagi seorang pelajar yang ingin mahir dan cemerlang khususnya dalam bidang bahasa Arab sentiasa membuat latihan dan melatih diri sehingga terbiasa dengan kaedah-kaedah tatabahasa Arab.

PENUTUP

Untuk menjayakan pengajaran dan pembelajaran memerlukan usaha bersepadu dan kerjasama daripada semua pihak sama ada pihak pengurusan atau pentadbiran Universiti Awam dalam menyediakan suasana persekitaran pembelajaran bahasa yang kondusif dan kaya dengan sumber dan peluang kepada pelajar untuk belajar dan berlatih serta menggunakan bahasa tersebut. Kewujudan suasana pembelajaran yang kondusif ini boleh membantu meningkatkan motivasi dalaman pelajar seterusnya dapat menggalakkan pelajar untuk lebih aktif melakukan aktiviti pembelajaran dan pengajaran. Guru juga perlu memberi kerjasama dalam mempertingkatkan kualiti pengajaran dengan sentiasa menambah ilmu pengetahuan dan membuat kajian untuk mendapatkan isu baharu dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, di samping mengikuti kursus untuk meningkatkan kemahiran diri. Para pelajar juga perlu

mengambil berat terhadap pelajaran serta memberi kerjasama untuk menjayakan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Wahid Zaid (2008) *Tahap penguasaan nahu di kalangan pelajar di university Sana'a', Yaman*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Yaman, Universiti Sana'a
- Ali Ahmad Madkur (2002). *Tadris Funun al-Lughah al-Arabiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabiyy.
- Descombe, M. (1998). *The good research guide*. Buckingham: Open University Press
- Esah Sulaiman. (2004). *Pengenalan pedagogi*. Skudai, Malaysia: Penerbit Universiti Tekatanamaologi Malaysia
- Harimurti Karidalaksana. 1983. *Kamus Linguistik*. Penerbit PT Gramedia. Jakarta.
- Hashim Mat Zain. (2009). *Penguasaan kata kerja bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah: satu kajian kes*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Jassem, Ali Jassem. 1999. *An Error Analysis Of The Verb Phrase: A Case Study Of The Writing Of Fourth Year Literary Stream Students At Kuala Lumpur Religious Secondary School*. Tesis Phd. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Kamus Linguistik (1997), Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Krejcie, Robert V. dan Daryle W. Morgan. 1970. *Determining Sample Size for Research Activities, Educational and Psychological Measurement*. Vol. 30: 607-610.
- Manisah Mohd. Nor. (2000) *Penggunaan al-damair dalam karangan*, disertasi (M.M.L.S). Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Mohammad Said, (2003) *Penguasaan Nahu Wazifi Di Kalangan Pelajar Di Kolej Pendidikan Guru*, Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Umu Al-Qura, Saudi Arabia
- Mubarak, Tariki (2014), *Ta'limiyyah Al-Nahw baina al-Tahsil wa al-Ta'bir*, Majallat al-Dirasat al-Lughawiyyah, Algeria: Mouloud Mammeri University
- Muslikhah, Z. (2014). *Analisis Kesalahan Buku Contoh-contoh Pidato 3 Bahasa Karangan Muhammad Azhar*. SKRIPSI Jurusan Sastra Arab-Fakultas Sastra UM
- Nurazan Mohmad Rouyan. (2006). *Strategi pembelajaran bahasa dalam pembelajaran Bahasa Arab: Kajian di KUSZA*. Disertasi Ijazah Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Nurillah binti 'Abdullah Hassim, (2005) *Penyalahgunaan al-Nawasikh Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Negeri Pahang*, Tesis Master UIAM Kuala Lumpur
- Rafian et. al. (2014). *Analisis Kesalahan Nahu Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Kursus Pengukuhan Bahasa Arab*. International Research Management and Innovation Conference 2014, 2014(November), 17–18.

- Samah, R. (2012). *Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama Arabic Sentences Construction Among The Islamic Religious School Graduates*. GEMA Online Journal of Language Studies, 12, 555–569.
- Yahya Othman. (2005). *Trend dalam pengajaran bahasa Melayu*, Bentong, Pahang: PTS Publications & Distributors.